



SETIAUSAHA KERAJAAN SARAWAK (SARAWAK STATE SECRETARY)



Ref No : JPS/UDPA/700-4/1/4 JLD.1 (60)
Date : 1 July 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Residen Bahagian

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

Semua Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Yang Arif Dato Sri/ Y.Bhg Dato Sri/Y.Bhg Datu/Y.Bhg Dato/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI DIGITAL 2025 PENJAWAT AWAM SARAWAK (SCS DIGITAL LITERACY)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Digital Government Committee (DGC) Bil 01/2025 bertarikh 25 Mac 2025 telah meluluskan Inisiatif SCS *Digital Literacy* iaitu **semua penjawat awam Sarawak diwajibkan** untuk melengkapkan dua (2) program pembelajaran secara dalam talian (*online*) berikut: -

a) **AI untuk Rakyat**

URL: <https://rakyatdigital.gov.my>

b) **Defending Against Phishing: The SCS Self-Paced Learning**

URL: <https://cybertraining.sains.com.my>

3. Langkah ini selaras dengan matlamat Sarawak Digital Economy Blueprint (SDE 2030), iaitu **100 peratus penjawat awam Sarawak celik digital menjelang tahun 2027** dan merupakan langkah proaktif ke arah memperkuuh literasi digital seterusnya melahirkan penjawat awam Sarawak yang bersedia menghadapi cabaran era transformasi digital secara mampan dan menyeluruh.

....2/-

Pejabat Setiausaha Kerajaan Sarawak
Jabatan Premier Sarawak

Tingkat 20, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, 93050, Kuching, Sarawak
☏ 082-440127 / 082-440222 / 082-440333 ☎ 082-441677



SETIAUSAHA KERAJAAN SARAWAK (SARAWAK STATE SECRETARY)



-2-

PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI DIGITAL 2025 PENJAWAT AWAM SARAWAK (SCS DIGITAL LITERACY)

4. Pelaksanaan program dibawah Inisiatif SCS *Digital Literacy* ini adalah seperti berikut: -
 - a) Penyertaan kedua-dua program hendaklah dilengkapkan **sebelum 31 Disember 2025** dan seterusnya semua penjawat awam Sarawak juga dikehendaki **mengemaskini rekod latihan masing-masing dalam sistem SCS-GEMS selewat-lewatnya pada 31 Disember 2025.**
 - b) Pelaksanaan dan pencapaian tahunan setiap agensi dalam inisiatif ini akan dilaporkan secara rasmi kepada Mesyuarat *Digital Government Committee (DGC)* sebagai salah satu item pemantauan berkala.
 - c) Pelaksanaan latihan boleh dilakukan **secara individu, berpasangan, atau melalui perbincangan berkumpulan**, tertakluk kepada kesesuaian di peringkat agensi.
 - d) Bagi penjawat awam yang tidak mempunyai akses kepada komputer meja atau komputer riba, agensi bertanggungjawab menyelaras keperluan dalaman dengan kerjasama *Human Resource Champion (HRC)*, *Human Resource Officer (HRO)*, **Chief Information Officer (CIO)*, dan *Assistant Chief Information Officer (ACIO)* bagi memastikan sokongan dan bantuan teknikal yang sewajarnya dapat disediakan. Ini termasuklah bantuan kepada mereka yang memerlukan panduan dalam melaksanakan langkah-langkah pendaftaran.

* *Chief Information Officer (CIO)* juga merujuk kepada *Chief Digital Officer (CDO)*, penyelarasan terminologi akan dilakukan.

....3/-



SETIAUSAHA KERAJAAN SARAWAK (SARAWAK STATE SECRETARY)



-3-

PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI DIGITAL 2025 PENJAWAT AWAM SARAWAK (SCS DIGITAL LITERACY)

e) Ketua jabatan dan agensi **hendaklah memastikan pelaksanaan efektif inisiatif ini seperti berikut:**

- Memastikan semua penjawat awam di bawah seliaan masing-masing menyertai dan melengkapkan latihan serta penilaian yang ditetapkan di bawah inisiatif SCS *Digital Literacy* bagi tahun 2025.
- Menggerakkan peranan HRC, HRO, C/O dan AC/O untuk **memantau pencapaian dan melaporkan kemajuan pelaksanaan inisiatif** di peringkat agensi masing-masing.

5. Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah pelaksanaan inisiatif ini adalah seperti yang dilampirkan di **Lampiran I: Manual Pelaksanaan Program Literasi Digital 2025**.

6. Kerjasama dan tindakan segera pihak **Yang Arif Dato Sri/ Y.Bhg Dato Sri/Y.Bhg Datu/Y.Bhg Dato/Tuan/Puan** dalam memastikan pematuhan dan pelaksanaan menyeluruh inisiatif ini di peringkat jabatan dan agensi masing-masing amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”

YB DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN MARZUKI

Setiausaha Kerajaan Sarawak

Pegawai Seranta:

1. Kennedy Lee Tze Haw
2. Noor Syafikha Binti Bujang Hassim



kennedyLee@sarawak.gov.my
syafikhab@sarawak.gov.my

PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI DIGITAL 2025

PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK

(SCS *DIGITAL LITERACY*)

 Unit Digitalisasi Perkhidmatan Awam (SCSDU) telah diberi mandat bagi menjayakan inisiatif Program Literasi Digital Perkhidmatan Awam Sarawak.

 Sehubungan dengan itu, **DUA** program pembelajaran dalam talian yang **WAJIB** dilengkapkan oleh semua Penjawat Awam Sarawak **sebelum 31 Disember 2025** iaitu: -

1. **AI untuk Rakyat** (URL:<https://rakyatdigital.gov.my>)
2. **Defending Against Phishing: The SCS Self-Paced Learning**
(URL: <https://cybertraining.sains.com.my>)

MAKLUMAT PROGRAM UNTUK TAHUN 2025

1. AI UNTUK RAKYAT

 **AI UNTUK RAKYAT** ialah program pembelajaran dalam talian yang direka untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang ‘Kecerdasan Buatan’ - Artificial Intelligence (AI). Ia bertujuan untuk memberi penjelasan tentang AI kepada semua lapisan Masyarakat.

Program ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:-

- a) **‘Kesedaran AI’** atau turut dikenali sebagai ‘AI Aware’.
- b) **‘Hargai AI’** atau ‘AI Appreciate’.

Selepas menyelesaikan kuiz, anda akan menjadi pemegang lencana AI Aware dan AI Appreciate.

SCS: Digital First, Future Ready

2. DEFENDING AGAINST PHISHING: THE SCS SELF-PACED LEARNING


 Ini merupakan pembelajaran dalam talian Keselamatan Siber yang dikhkususkan kepada Penjawat Awam Sarawak untuk meningkatkan kesedaran dan memperkuuh keupayaan dalam menangani ancaman siber, seterusnya mengurangkan risiko yang boleh menjelaskan operasi dan keselamatan data kerajaan. Program ini mengandungi 7 modul yang perlu dilengkapkan.

TEMPOH MASA PROGRAM

 Semua Penjawat Awam Sarawak diwajibkan melengkapkan kedua-dua program ini **dalam tahun 2025** dan seterusnya mengemaskini rekod jam latihan seperti berikut:

1. AI untuk Rakyat: Bersamaan dengan 4 jam latihan
2. *Defending Against Phishing: The SCS Self-Paced Learning*: Bersamaan dengan 2 jam latihan

CARTA ALIR PELAKSANAAN



SCS: Digital First, Future Ready

PANDUAN MELENGKAPKAN PROGRAM PEMBELAJARAN KENDIRI




Panduan bagi melengkapkan program pembelajaran dalam talian ini terdapat pada:

Lampiran I: Manual Penggunaan AI untuk Rakyat


Lampiran II: Manual Penggunaan *Defending Against Phishing: The SCS Self-Paced Learning*

PANDUAN MENGEJEMASKINI TEMPOH LATIHAN DALAM SCS-GEMS

1. Log masuk akaun SCS-GEMS anda di <https://scs-gems.sarawak.gov.my> dan pilih “**PERSONAL PROFILE**”



2. Klik pada tab “Service Details” dan pilih “Course”.



SCS: Digital First, Future Ready

3. Klik butang “Add” bagi mengemaskini tempoh jam latihan.

No.	Training Type	Training Title	Organiser	Training Cost	Start Date	End Date	Total Hours
-----	---------------	----------------	-----------	---------------	------------	----------	-------------

4. Isi maklumat latihan menggunakan panduan berikut: -

a. **Panduan mengisi maklumat latihan AI untuk Rakyat**

Perkara	Justifikasi
Ref No	JPS/UDPA/DL2025(01)
Training Category	Specific
Training Type	E-Learning
Training Title	AI untuk Rakyat
Traning Location	Online
Country	Malaysia
State	Sarawak
Town	Tertakluk kepada lokasi pejabat masing-masing
Division	Tertakluk kepada lokasi pejabat masing-masing
Organiser	Unit Digitalisasi Perkhidmatan Awam
Traning Cost	0

Perkara	Justifikasi
Start Date	Tertakluk kepada tarikh anda memulakan program
End Date	Tertakluk kepada tarikh anda menamatkan program
Total Hours	4 jam
Certificate Status	None
Attachment	None

b. Panduan mengisi maklumat latihan *Defending Against Phishing: The SCS Self-Paced Learning*

Perkara	Justifikasi
Ref No	JPS/UDPA/DL2025(02)
Training Category	Specific
Training Type	E-Learning
Training Title	<i>Defending Against Phishing: The SCS Self-Paced Learning</i>
Traning Location	Online
Country	Malaysia
State	Sarawak

Perkara	Justifikasi
Town	Tertakluk kepada lokasi pejabat masing-masing
Division	Tertakluk kepada lokasi pejabat masing-masing
Organiser	Unit Digitalisasi Perkhidmatan Awam
Traning Cost	0
Start Date	Tertakluk kepada tarikh anda memulakan program
End Date	Tertakluk kepada tarikh anda menamatkan program
Total Hours	2 jam
Certificate Status	Yes
Attachment	Lampirkan sijil digital bagi program <i>Defending Against Phishing: The SCS Self-Paced Learning</i>

5. Pastikan semua maklumat telah diisi dengan betul dan akhir sekali klik butang “Save” bagi menyimpan rekod latihan anda.

The screenshot shows a web-based form titled "Training Record | Add". The form consists of several input fields and dropdown menus. At the top right, there is a green "Save" button with a white icon and a "Back" button. Below the buttons, there is a blue circular icon with a white arrow pointing clockwise. The form fields include:

- Ref No.**: An input field with a red vertical border.
- Training Category**: A dropdown menu with the placeholder "Please Select".
- Training Type**: A dropdown menu with the placeholder "Please Select".
- Training Title**: An input field with a red vertical border.
- Training Location**: An input field with a red vertical border.
- Country**: A dropdown menu with the placeholder "Please Select".
- State**: A dropdown menu with the placeholder "Please Select".

MAKLUMAT LANJUT



Sekiranya memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai inisiatif ini, anda boleh menghubungi


✉ infodigitalliteracy@sarawak.gov.my

📞 082- 544300


SCS: Digital First, Future Ready

MANUAL PENGGUNAAN AI UNTUK RAKYAT

1. Layari laman web Rakyat Digital di <https://rakyatdigital.gov.my>




2. Klik pada tab "Courses" untuk mengetahui dengan lebih lanjut program yang ditawarkan dalam platform ini.




SCS: Digital First, Future Ready

MANUAL PENGGUNAAN AI UNTUK RAKYAT

3. Pilih **AI untuk Rakyat** dan klik “Read More”.



4. Kemudian, klik pada “Sign Up Now!” untuk mendaftar akaun anda.



SCS: Digital First, Future Ready

MANUAL PENGGUNAAN AI UNTUK RAKYAT


5. Terdapat dua langkah bagi mendaftar akaun anda, **1) Register with Google** dan **2) email rasmi, @sarawak.gov.my**. Pastikan anda mempunyai akaun Google sekiranya hendak mendaftar menggunakan akaun Google.
6. Kemudian, sila lengkapkan semua maklumat yang diperlukan dan taip **SCS-DL** di ruangan **“Referral Code”**.
7. Setelah melengkapkan semua maklumat, klik pada butang “Send Verification Code”.

The screenshot shows the 'Sign Up' page for the Rakyat Digital platform. At the top left is the Ministry of Digital logo and the text 'RAKYAT DIGITAL'. At the top right are language selection buttons for 'EN' and a profile icon. The main form has fields for Name, Email ID, State, Year of Birth, Gender, Race, Occupation, and Postal Code. Below these is a section for a 'Referral Code (Optional)' with a field containing 'SCS-DL'. A yellow oval highlights the 'Register with Google' button at the top of the form. Another yellow oval highlights the 'Referral Code (Optional)' field. At the bottom of the form is a checkbox for accepting terms and conditions, followed by a 'SEND VERIFICATION CODE' button and a link to log in if already registered.

SCS: Digital First, Future Ready


MANUAL PENGGUNAAN AI UNTUK RAKYAT

8. Kod One-Time Password (OTP) akan dihantar pada email yang telah didaftarkan, sila masukkan OTP berkenaan bagi mengesahkan akaun anda.



The screenshot shows an email from 'Rakyat Digital <no-reply@kd.rakyatdigital.gov.my>' to the user. The subject is 'Rakyat Digital OTP Code'. The email body contains a welcome message, a red arrow pointing to the OTP code '795649', instructions about account security, and contact information. To the right of the email is a 'Sign In' page for the Rakyat Digital platform, showing fields for 'Email ID' and 'OTP', and a 'VERIFY' button.

9. Tahniah, anda telah berjaya mendaftar sekiranya skrin anda memaparkan paparan tertera.



SCS: Digital First, Future Ready

MANUAL PENGGUNAAN AI UNTUK RAKYAT

10. Platform ini menawarkan pelbagai bahasa yang anda boleh pilih di sebelah kanan skrin mengikut pilihan anda.




PERINGATAN

Sebagai peringatan,

- i. Semua penjawat awam hanya dikehendaki untuk melengkapkan modul "AI untuk Rakyat" sahaja sebagai sebahagian daripada pelaksanaan inisiatif tahun 2025.
- ii. Taip "**SCS-DL**" di ruangan "*Referral Code*" semasa process pendaftaran.

MANUAL PENGGUNAAN DEFENDING AGAINST PHISHING: THE SCS SELF-PACED LEARNING

1. Bagaimanakah cara untuk saya log masuk?



Akaun anda telah didaftarkan untuk kursus ini. Untuk melayari kursus, sila layari cybertraining.sains.com.my dan log masuk menggunakan butiran LDAP anda (sarawaknet email dan password anda).

Bagi individu yang tidak mempunyai akaun LDAP, anda boleh mengambil langkah berikut: -

a. Pengguna SCS

- Sila kemukakan permohonan di dalam sistem eRequest Management System (eRMS) melalui ACIO agensi masing-masing.

b. Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

- Sila kemukakan permohonan terus ke SAINS Contact Centre melalui email, contactcentre.sains.com.my.

MANUAL PENGGUNAAN DEFENDING AGAINST PHISHING: THE SCS SELF-PACED LEARNING

2. Bagaimanakah cara untuk saya mengakses kursus?

The screenshot shows the Moodle dashboard. On the left, there's a sidebar with links: Dashboard (highlighted with a red box), Site home, Calendar, Certificates, Private files, My courses, and Site administration. The main area displays system statistics: Disk usage (16,823 MB), Active / Suspended users (28733 / 0), Total courses (28), and Online users (1). Below these stats is a section for Recently accessed courses, which includes a card for "Awareness Defending Against Phishing : The SCS Self-Paced Learning (2025)". This card also has a red box around it.

Setelah berjaya log masuk, pergi ke halaman utama (“dashboard”) atau (“site home”) untuk melihat kursus bertajuk **“Defending Against Phishing : The SCS Self-Paced Learning 2025”**.

3. Bagaimanakah cara untuk saya melengkapkan kursus ini?


The screenshot shows the course materials section. It starts with a header "TRAINING MATERIALS / BUKU PANDUAN" with a link to "Email Phishing Guidebook / Buku Panduan E-mel Pancingan Data". Below it is a note: "You can use this guidebook as a reference throughout your study journey / Anda boleh menggunakan buku panduan ini sebagai rujukan." Then, there's a "PRE ASSESSMENT / UJIAN PRA PENILAIAN" section with a link to "Pre Assessment / Ujian Pra Penilaian" (which is restricted and available from 22 January 2025). Finally, there's a "MODULE 1 - PHISHING: THE DANGERS OF EMAIL / BAHAYA E-MEL PANCINGAN DATA" section with a link to "Module 1: Video Lesson - Phishing: The Dangers of Email / Bahaya E-Mel Pancingan Data" (also restricted and available from 22 January 2025).

Untuk melengkapni kursus ini, klik pada tajuk setiap bahagian, tonton video dan jawab kuiz. Pastikan anda mencapai markah lulus yang ditetapkan untuk ke bahagian seterusnya. Jika markah kuiz gagal, bahagian seterusnya tidak dapat diakses. Mulakan dengan ujian pra-penilaian.

SCS: Digital First, Future Ready

MANUAL PENGGUNAAN DEFENDING AGAINST PHISHING: THE SCS SELF-PACED LEARNING


4. Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan e-sijil?



REVIEW AND FEEDBACK / ULASAN DAN MAKLUM BALAS

Evaluation Review

Restricted Not available unless: You achieve a required score in Post Assessment



E-CERTIFICATE / E-SIJIL

Certificate of Completion

Restricted Not available unless: The activity Evaluation Review is marked complete

The certificate will only be available after you have completed the feedback form.
Sijil hanya akan tersedia selepas anda melengkapkan borang maklum balas.

Selepas melengkapkan semua bahagian, anda perlu menghantar borang maklum balas terlebih dahulu. Setelah dihantar, bahagian Sijil Penyertaan akan terbuka. Anda boleh klik pada bahagian tersebut dan muat turun sijil anda.



Defending Against Phishing : The SCS Self-Paced Learning (2025)

Dashboard My courses Amended e-CERTIFICATE / E-Sijil Certificate of Completion

Certificate of Completion

The certificate will only be available after you have completed the feedback form.
Sijil hanya akan tersedia selepas anda melengkapkan borang maklum balas.

View certificate

MANUAL PENGGUNAAN DEFENDING AGAINST PHISHING: THE SCS SELF-PACED LEARNING



Berikut merupakan contoh Sijil Penyertaan setelah anda melengkapkan kursus ini dengan jayanya.

PERINGATAN

Sekiranya anda pernah melengkapkan kursus berkenaan pada sebelum ini, anda hanya perlu mengemaskini rekod latihan di SCS- GEMS

SCS: Digital First, Future Ready